



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

EDISI 2021

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN KAJIAN PENCAPAIAN PEO

BAHAGIAN KURIKULUM (BK)

JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI (JPPKK)

KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI (KPT)

**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN KAJIAN PENCAPAIAN PEO
EDISI 2021
BAHAGIAN KURIKULUM (BK)
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI (JPPKK)
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI (KPT)
NO. ISBN: 9789671904176**

Diterbitkan oleh
Bahagian Kurikulum, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti
Galeria PjH, Aras 4, Jalan P4W, Persiaran Perdana, Presint 4, 62100 Putrajaya
Tel : 03-88919000
Faks : 03-88919056

Hak cipta terpelihara. Tiada mana-mana bahagian dalam penerbitan ini dibenarkan ditiru, diterbit semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh dipergunakan lagi, atau dipindah dalam mana-mana cara, baik dengan cara elektronik, mekanikal, penggambaran semula, perakaman atau sebaliknya tanpa mendapat izin bertulis daripada Bahagian Kurikulum, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti.

JAWATANKUASA PEMBANGUNAN DAN PENERBITAN

PENAUNG

Ts. Zainab binti Ahmad
Ketua Pengarah JPPKK

Penasihat:

Mej(K) Mohd Noor bin Shahudin
Pengarah Kanan (Akademik)

Pengerusi:

Dr. Hjh Norhayati binti Zakaria
Pengarah BK

Ketua Penyunting:

Dr. Noreen binti Kamarudin

Penyunting Bahasa:

Dr. Shahiza binti Ahmad Zainuddin

Penyunting:

Hainani binti Chik
Dr. Nursakinah binti Md Salleh
Siti Ruqayyah As-Sadiq binti Abdul Rahim

Penulis:

Dr. Noreen binti Kamarudin
Hasanah binti Md Amin
Rohaniah binti Mohd Nor
Khairul Azha bin Ahmad
Hainani binti Chik
Dr. Nursakinah binti Md Salleh
Amalina Kamilah binti Ibrahim
Suziyana binti Yaacob
Siti Ruqayyah As-Sadiq binti Abdul Rahim

SEKALUNG PENGHARGAAN

Dr. Mazura binti Mansor, Dr. Azuin binti Ramli, Dr. Nor Haniza binti Mohamad, Dr. Zunuwanas bin Mohamad, Roziyani binti Zaidon, Noraina binti Abdul Rahman, Suzanah binti Hashim, Siti Maryam binti Mohd Arifin, Mohd Zaidi bin Sarip, Fareed bin Jaafar, Ts. Azman bin Ahmad, Nurul Awanis binti Muhammad, Abd. Aziz bin Bakeri, Hijrah Saputra bin Erwanto, Fatin Fathiah binti Azman, Norasmah binti Abdullah, Nadhzifatul Khuzaimah binti Mohd Dahlan, Nadia Hariri, Norbaya binti Mhd Simin, Jabatan Kejuruteraan Awam dan Jabatan Perdagangan Politeknik Sultan Idris Shah, Jabatan Kejuruteraan Elektrik Politeknik Port Dickson, Kolej Komuniti Tawau

serta

semua pegawai BK dan warga JPPKK yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam pembangunan garis panduan ini.

SENARAI KANDUNGAN

SENARAI KANDUNGAN		iii
GLOSARI		vi
SENARAI RAJAH		viii
SENARAI JADUAL		ix
1.0	PENDAHULUAN	1
2.0	PENETAPAN PEO DI DALAM KURIKULUM	1
	2.1. Definisi PEO	2
	2.2. Pernyataan PEO di dalam Kurikulum	2
	2.3. Proses Penggubalan, Pengesahan, Kelulusan, Penilaian dan Penambahbaikan PEO di dalam Kurikulum	2
	2.4. <i>Closing the Loop</i> - Proses Penambahbaikan Dokumen Kurikulum	4
3.0	PENILAIAN PEO MENGIKUT KEPERLUAN <i>MALAYSIAN QUALIFICATION AGENCY (MQA)</i> DAN BADAN PROFESIONAL	5
	3.1. Penilaian PEO- <i>Malaysian Qualification Agency (MQA)</i>	5
	3.2. Penilaian PEO- <i>Engineering Technology Accreditation Council (ETAC)</i>	6
	3.3. Penilaian PEO- <i>Technology and Technical Accreditation Council (TTAC)</i>	8
	3.4. Rumusan Penilaian PEO Badan Akreditasi	9
	3.4.1 Proses Penetapan KPI PEO di dalam Kurikulum	9
	3.4.2 Mekanisma Pelaksanaan Kajian Pencapaian PEO	10
4.0	PELAKSANAAN KAJIAN PEO	11
	4.1. Kajian Literatur Tentang Pelaksanaan Kajian Pencapaian PEO	11
	4.2. Perancangan Pelaksanaan Kajian Pencapaian PEO di Institusi	13
	4.2.1 Membentuk Jawatankuasa Teknikal Pemegang Taruh Institusi dan Menetapkan Objektif Kajian/ Merancang Pelaksanaan Kajian	14
	4.2.2 Memilih dan Menetapkan Sasaran Responden	14
	4.2.3 Menambahbaik Instrumen Kajian	15
	4.2.4 Mengedar dan Mengumpul Data	16

4.2.5	Memproses dan Menganalisa Data	16
4.3.	MQA	17
4.3.1	Kaedah Pelaksanaan Kajian Pencapaian PEO bagi Program-Program di bawah Akreditasi MQA	17
4.3.2	Instrumen Kajian PEO MQA	17
4.4.	ETAC	26
4.4.1	Kaedah Penetapan KPI/ Sasaran PEO	26
4.4.2	Instrumen Kajian Pencapaian PEO Alumni ETAC	26
4.5.	TTAC	32
4.5.1	Kaedah Kajian bagi Penetapan KPI PEO Program	32
4.5.2	Instrumen Kajian PEO TTAC	32
5.0	PELAPORAN KAJIAN PENCAPAIAN PEO	38
6.0	PENUTUP	42
	RUJUKAN:	43

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran 1	Jadual Penetapan Sampel
Lampiran 2A	Templat Instrumen Penilaian PEO Program MQA bagi Alumni
Lampiran 2B	Contoh Instrumen Penilaian PEO Program MQA bagi Alumni
Lampiran 2C	Templat Instrumen Penilaian PEO Program MQA bagi Majikan
Lampiran 2D	Contoh Instrumen Penilaian PEO Program MQA bagi Majikan
Lampiran 2E	Contoh Laporan Kajian Pencapaian PEO Program MQA bagi Alumni
Lampiran 3A	Templat Instrumen Penetapan KPI PEO (TTAC & ETAC)
Lampiran 3B	Contoh Laporan Penetapan KPI PEO Program ETAC/ TTAC
Lampiran 3C	Templat Instrumen Program ETAC (Dichotomous & Skala Likert)
Lampiran 3D	Contoh Instrumen Penilaian Program ETAC (Dichotomous)

Lampiran 3E	Contoh Laporan Kajian Pencapaian PEO Program ETAC bagi Alumni (Dichotomous)
Lampiran 3F	Contoh Instrumen Penilaian Program ETAC (Skala Likert)
Lampiran 3G	Contoh Laporan Kajian Pencapaian PEO Program ETAC bagi Alumni (Skala Likert)
Lampiran 4A	Templat Instrumen Penilaian PEO Program TTAC (Dichotomous & Skala Likert)
Lampiran 4B	Contoh Instrumen Penilaian Program TTAC (Dichotomous)
Lampiran 4C	Contoh Laporan Kajian Pencapaian PEO Program TTAC bagi Alumni (Dichotomous)
Lampiran 4D	Contoh Instrumen Penilaian Program TTAC (Skala Likert)
Lampiran 4E	Contoh Laporan Kajian Pencapaian PEO Program TTAC bagi Alumni (Skala Likert)

GLOSARI

Alumni	Graduan yang telah bergraduat dari institusi
BEM	<i>Board of Engineers Malaysia</i> atau Lembaga Jurutera Malaysia
BK	Bahagian Kurikulum
BPN	Bahagian Peperiksaan dan Penilaian
CCMS	<i>Community College Management System</i>
CIDOS	<i>Curriculum Information Document Online System</i>
CLO	<i>Course Learning Outcome</i> atau Hasil Pembelajaran Kursus
COPPA	<i>Code of Practice for Programme Accreditation</i>
CORR	<i>Course Outcome Review Report</i>
CQI	<i>Continuous Quality Improvement</i> atau Penambahbaikan Kualiti Berterusan
ETAC	<i>Engineering Technology Accreditation Council</i>
EP	<i>Education Provider</i> atau Institusi Pemberi Pendidikan
FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
IHL	<i>Institutions of Higher Learning</i> atau Institusi Pendidikan Tinggi (IPT)
JPPKK	Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti
JKIK	Mesyuarat Jawatankuasa Induk Kurikulum Kolej Komuniti
LD	<i>Learning Domain</i> atau Domain Pembelajaran
MBOT	<i>Malaysian Board of Technologist</i> atau Lembaga Teknologis Malaysia

MLK	Mesyuarat Lembaga Kurikulum Kursus Pengajian dan Program Latihan di Politeknik
MQA	<i>Malaysian Qualification Agency</i> atau Agensi Kelayakan Malaysia
OBE	<i>Outcome Based Education</i> atau Pendidikan Berasaskan Hasil Pembelajaran
PEO	<i>Programme Educational Objectives</i> atau Objektif Pendidikan Program
PLO	<i>Programme Learning Outcome</i> atau Hasil Pembelajaran Program
PLORR	<i>Programme Learning Outcome Review Report</i>
S3P	Sistem Pelaporan Pencapaian PLO
SPMP	Sistem Pengurusan Maklumat Politeknik
TTAC	<i>Technology and Technical Accreditation Council</i>

SENARAI RAJAH

Rajah 1	Konsep Asas Pembangunan Kurikulum	1
Rajah 2	Carta Alir Proses Penggubalan, Pengesahan, Kelulusan, Pelaksanaan, Penilaian dan Penambahbaikan Pernyataan PEO di dalam Kurikulum Program	3
Rajah 3	Mekanisma Closing the Loop - Penilaian PEO, PLO dan CLO	4
Rajah 4	Proses Penetapan Peratus KPI PEO bagi Program TTAC dan ETAC	10
Rajah 5	Carta Alir Proses Pelaksanaan Kajian Pencapaian PEO serta Penggunaan Dapattannya bagi Penambahbaikan Program	11

SENARAI JADUAL

Jadual 1	Aspek Berkaitan PEO di dalam Self-Review Report	8
Jadual 2	Rumusan Ringkas Keperluan Pelaksanaan Penilaian PEO oleh Badan Akreditasi	9
Jadual 3	Rumusan Kajian Literatur Tentang Pelaksanaan Kajian Pencapaian PEO	12
Jadual 4	Cadangan Tempoh Perancangan Pelaksanaan Kajian PEO di Institusi	13
Jadual 5	Jadual Senarai Templat dan Contoh Instrumen	15
Jadual 6	Jadual Senarai Laporan	17
Jadual 7	Panduan Penyediaan Soal-Selidik MQA04	18
Jadual 8	Rujukan Item Deskriptor/ Indikator Pernyataan PEO berdasarkan Learning Outcome Domains (LD) bagi Program di bawah Akreditasi MQA	19
Jadual 9	Rujukan Item dan Deskriptor Program Pengajian Peringkat Diploma (di bawah akreditasi MQA) berdasarkan Kluster MQF 2 nd Edition (MQA, 2017)	21
Jadual 10	Contoh Item dan Deskriptor yang dibangunkan sendiri	22
Jadual 11	Contoh PEO, Indikator dan Deskriptor bagi Program di bawah Bidang Kejuruteraan Elektrik	27
Jadual 12	Jadual Ringkasan Instrumen PEO TTAC	33
Jadual 13	Jadual <i>Generic Graduates Attributes</i> (GA) TTAC	34
Jadual 14	Keperluan Pelaksanaan Kajian Pencapaian PEO berdasarkan Badan Akreditasi	40

1.0 PENDAHULUAN

Garis panduan ini dibangunkan untuk memberi panduan kepada para pengurus akademik Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) khususnya di politeknik dan kolej komuniti untuk tujuan berikut:

- i) Melaksanakan Kajian Pencapaian *Programme Educational Objectives* (PEO) alumni yang diperlukan badan akreditasi bagi tujuan akreditasi program
- ii) Menilai pencapaian PEO alumni bagi tujuan penambahbaikan kurikulum

Skop garis panduan ini adalah seperti berikut:


- i) Penggubalan, pengesahan, penilaian dan penambahbaikan PEO di dalam kurikulum
- ii) Penilaian PEO mengikut keperluan standard badan akreditasi
- iii) Pelaksanaan Kajian Pencapaian PEO
- iv) Pelaporan Kajian Pencapaian PEO

2.0 PENETAPAN PEO DI DALAM KURIKULUM

Programme Educational Objectives (PEO) atau Objektif Pendidikan Program merupakan elemen asas dalam kurikulum. Rajah 1 menunjukkan kedudukan PEO di dalam konsep asas pembangunan kurikulum.

Rajah 1

Konsep Asas Pembangunan Kurikulum



Sumber: Shahrir Abdullah (2016). *Bengkel Penilaian Programme Educational Objectives Politeknik Malaysia*. Anjuran Bahagian Pembangunan Kurikulum, Jabatan Pendidikan Politeknik, Hotel Furama Kuala Lumpur, 20 – 22 November 2016.

2.1. Definisi PEO

Programme Educational Objectives (PEO) adalah pernyataan jangka panjang suatu program yang menyokong Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK), visi dan misi, serta matlamat pendidikan sesebuah institusi. Ia didefinisikan seperti berikut:

- i) *“Broad statements that describe the career and professional accomplishments that the programme is preparing graduates to achieve after they graduated”* (MQA, 2018, v).
- ii) *“Specific goals consistent with the vision and mission of the IHL, are responsive to the expressed interest of programme stakeholders, and describe the expected achievements of graduates in their career and professional life a few years after graduation”* (ETAC, 2020, 3).
- iii) *“Broad statements that describe what the graduates ultimately will become in their career and professional life after several years of graduation. The PEOs are the specific goals of the programme and should align with the EP’s vision and mission”* (MBOT, 2019, 12).

2.2. Pernyataan PEO di dalam Kurikulum

Di dalam proses pembangunan dan penambahbaikan kurikulum, pernyataan PEO yang digubal perlu mencerminkan ciri-ciri graduan yang dihasratkan setelah 3 hingga 5 tahun bergraduat. Sebagai contoh, ETAC (2020) menyenaraikan unsur-unsur berikut bagi pernyataan PEO:

- i) Kerjaya yang dihasratkan bagi graduan
- ii) Peranan/penglibatan graduan di dalam kerjaya masa depan (*role/involvement*)
- iii) Kekuatan graduan yang dihasratkan (*niche/strength*)
- iv) Lain-lain keperluan di masa depan (*future needs*)
- v) Pernyataan yang jelas, boleh diukur dan boleh dicapai (*well-defined, measurable and achievable*).

Bilangan pernyataan PEO tidak ditetapkan dan tertakluk kepada kesesuaian suatu program.

2.3. Proses Penggubalan, Pengesahan, Kelulusan, Penilaian dan Penambahbaikan PEO di dalam Kurikulum

Proses penggubalan, pengesahan, kelulusan, penilaian dan penambahbaikan PEO di dalam kurikulum boleh dirujuk di Rajah 2. Secara ringkasnya terdapat lima (5) proses pembangunan dan penambahbaikan kurikulum yang melibatkan PEO:


- i) Penggubalan pernyataan PEO oleh Jawatankuasa Penggubal Kurikulum
- ii) Pengesahan pernyataan PEO oleh Jawatankuasa Penasihat Kurikulum yang terdiri dari pemegang taruh seperti pihak industri, komuniti, majikan, ahli akademik dan alumni melalui mesyuarat

- iii) Kelulusan dokumen kurikulum (termasuk PEO) di dalam Mesyuarat Lembaga Kurikulum Kursus Pengajian dan Program Latihan di Politeknik (MLK) dan Jawatankuasa Induk Kurikulum Kolej Komuniti (JKIK)
- iv) Penilaian PEO setelah 3 hingga 5 tahun pelajar bergraduat
- v) Penambahbaikan PEO oleh Jawatankuasa Penggubal Kurikulum berdasarkan input dari pemegang taruh termasuk daripada Laporan Kajian Pencapaian PEO alumni.

Rajah 2

Carta Alir Proses Penggubalan, Pengesahan, Kelulusan, Pelaksanaan, Penilaian dan Penambahbaikan Pernyataan PEO di dalam Kurikulum Program

**CARTA ALIR PROSES PENGGUBALAN, PENGESAHAN, KELULUSAN, PELAKSANAAN, PENILAIAN DAN PENAMBAHBAIKAN PERNYATAAN PEO DI DALAM KURIKULUM PROGRAM
Merancang, Mengurus, Mengesahkan, Meluluskan, Melaksana, Menilai dan Menambahbaik Pernyataan PEO
Program Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti**




2.4. Closing the Loop - Proses Penambahbaikan Dokumen Kurikulum

Penambahbaikan Kualiti Berterusan (CQI) adalah satu proses jaminan kualiti bagi memastikan program akademik yang ditawarkan kekal relevan, dinamik dan berdaya saing. Proses ini adalah bersifat kitaran (*cyclical*) dan melibatkan dua (2) aktiviti utama iaitu pemantauan pelaksanaan program (*program monitoring*) dan semakan kurikulum program (*curriculum review*) yang perlu dilaksanakan dalam tempoh tertentu secara berkala dan sistematik.

Rajah 3

Mekanisma Closing the Loop - Penilaian PEO, PLO dan CLO



Rajah 3 menunjukkan bahawa penambahbaikan kurikulum berlaku di setiap peringkat iaitu di peringkat *Programme Educational Objective* (PEO), *Programme Learning Outcome* (PLO) dan *Course Learning Outcome* (CLO). Kitaran *Plan-Do-Check-Act* (PDCA) berlaku di setiap peringkat tersebut.

Proses *closing the loop* dilaksanakan melalui dapatan daripada pelbagai sumber dan peringkat seperti berikut:

- i) Kajian Pencapaian PEO dilaksanakan oleh institusi untuk melihat pencapaian alumni selepas 3 hingga 5 tahun bergraduasi. Maklum balas pencapaian alumni boleh diperolehi melalui kaji selidik yang dijawab oleh alumni dan majikan. Maklum balas yang diperolehi juga boleh digunakan untuk menambahbaik pernyataan PEO program.
- ii) Laporan Hasil Pembelajaran Program/*Programme Learning Outcome Review Report* (PLORR) perlu dihasilkan oleh institusi pada setiap semester. PLORR digunakan untuk menilai pencapaian pelajar di peringkat program. Ia juga boleh digunakan sebagai input untuk menambahbaik pernyataan PLO dan program. Isu-isu yang dilaporkan pensyarah perlu dibincangkan di peringkat pengurusan program/akademik institusi dan dicadangkan penambahbaikan. Platform

pelaporan PLORR bagi program politeknik adalah Sistem Pelaporan Pencapaian PLO (S3P) yang dibangunkan oleh Bahagian Peperiksaan dan Penilaian (BPN), JPPKK, manakala platform bagi kolej komuniti adalah CCMS.

- iii) Laporan Hasil Pembelajaran Kursus/ *Course Outcome Review Report* (CORR) dijana setiap semester oleh institusi, dan pensyarah mengisi cadangan penambahbaikan melalui sistem SPMP (politeknik) dan CCMS (kolej komuniti). CORR digunakan untuk menilai pencapaian pelajar di peringkat kursus. Ia juga boleh digunakan sebagai input untuk menambahbaik pernyataan CLO mahupun kandungan kursus.
- iv) Minit Mesyuarat peringkat jabatan di institusi berkaitan penyelarasan kursus/ program, Minit Mesyuarat Penasihat Program/Industri/Komuniti serta minit mesyuarat yang berkaitan, harus digunakan sebagai input dalam menambahbaik kurikulum.
- v) Maklumbalas daripada pensyarah yang dihantar ke Platform Maklum Balas Pensyarah boleh digunakan sebagai salah satu input dalam menambahbaik dokumen kurikulum.
- vi) Dapatan daripada pemegang taruh seperti maklumbalas alumni, majikan/industri/komuniti yang diperolehi oleh institusi juga digunakan sebagai salah satu sumber untuk menambahbaik dokumen kurikulum.

3.0 PENILAIAN PEO MENGIKUT KEPERLUAN *MALAYSIAN QUALIFICATION AGENCY* (MQA) DAN BADAN PROFESIONAL

Secara umumnya, PEO dinilai bagi melihat:

- i) kemenjadian graduan selepas 3 hingga 5 tahun bergraduat
- ii) keberhasilan program (berdasarkan kemenjadian graduan)

Secara umumnya terdapat tiga (3) badan akreditasi/ badan profesional utama bagi program-program peringkat sijil, diploma dan sarjana muda di politeknik dan kolej komuniti iaitu:

- i) *Malaysian Qualification Agency* (MQA)
- ii) *Board of Engineers Malaysia* (BEM) melalui *Engineering Technology Accreditation Council* (ETAC)
- iii) *Malaysian Board of Technologist* (MBOT) melalui *Technology and Technical Accreditation Council* (TTAC)

Ketiga-tiga badan akreditasi ini mempunyai keperluan serta kriteria penilaian PEO tersendiri.

3.1. Penilaian PEO - *Malaysian Qualification Agency* (MQA)

Pencapaian PEO alumni merupakan satu aspek yang dinilai oleh panel penilai bagi Audit Pematuhan (*Compliance Audit*). Audit Pematuhan (dikenali juga sebagai MQA

04) merupakan satu prosedur untuk memantau dan memastikan penyenggaraan dan penambahbaikan program yang telah diakreditasi mesti dilaksanakan sekurang-kurangnya 5 tahun sekali (MQA, 2018, 5).

Dua aspek yang berkaitan dengan PEO yang diaudit bagi program-program di bawah akreditasi MQA ialah:

- i) Mekanisma bagi proses penggubalan dan pengesahan PEO (*Area 1: Programme Development & Delivery*)
- ii) Mekanisma serta Penilaian Pencapaian PEO alumni (*Area 7: Programme Monitoring, Review and Continual Quality Improvement*)

Bagi perkara pertama, pembuktian bagi mekanisma proses penggubalan PEO adalah melalui Minit Mesyuarat/Laporan JK Penggubal Kurikulum, manakala pembuktian bagi mekanisma pengesahan PEO adalah melalui Minit Mesyuarat J/K Penasihat Kurikulum.

Bagi perkara kedua, mekanisma bagi menilai pencapaian PEO graduan/ alumni adalah melalui pelaksanaan Kajian PEO. Kaedah menilai pencapaian PEO graduan/alumni boleh dilaksanakan melalui:

- i) kaji selidik persepsi alumni dan majikan (Shahrir Abdullah et al., 2005, Jodin Makinda et.al, 2011, Bibi Norasiqin, Sheikh Rahimullah, et al. 2020, Nur Irfah Mohd Pauzi et al, 2013)
- ii) *analysis of student performance and from longitudinal studies* (MQA, 2018, 26)
- iii) *alumni report about their learning experience* (MQA, 2018, 27)

3.2. Penilaian PEO - *Engineering Technology Accreditation Council* (ETAC)

Majlis Akreditasi Teknologi Kejuruteraan (*Engineering Technology Accreditation Council*, ETAC) merupakan jawatankuasa teknikal yang ditubuhkan oleh Lembaga Jurutera Malaysia (*Board of Engineering Malaysia*, BEM). BEM merupakan badan profesional yang bertanggungjawab mengakreditasi kelayakan profesional termasuk kelayakan Teknologi Kejuruteraan dan Juruteknik Kejuruteraan melalui ETAC yang keanggotaannya dan fungsi selaras dengan Akta 679. Setelah memenuhi syarat yang ditetapkan, lulusan program Teknologi Kejuruteraan dan Juruteknik Kejuruteraan selanjutnya mendaftar sebagai graduan berdaftar Teknologis Kejuruteraan (*Engineering Technologist*) dan *Inspector of Works* yang melayakkan mereka memberi perkhidmatan penyeliaan kerja kejuruteraan secara sah di negara ini.

Sehubungan dengan itu, standard program bagi program Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan adalah *Engineering Technology Education Programme Accreditation Standard* edisi yang berkuatkuasa, manakala program Diploma Kejuruteraan atau Diploma Teknologi Kejuruteraan menggunakan standard program *Engineering Technician Education Programme Accreditation Standard* edisi yang berkuatkuasa.

Kriteria pertama (PEO) dari 7 kriteria penilaian ETAC adalah seperti yang dinyatakan berikut:

8.1 Criterion 1: Programme Educational Objectives

An engineering technician education programme seeking accreditation shall have published Programme Educational Objectives. The Programme Educational Objectives shall be the basis upon which the Programme Outcomes (Section 5.0) are formulated. The programme shall have a clear linkage between Programme Educational Objectives and Programme Outcomes. It is expected that important stakeholders especially from the industries provide inputs in the process of formulating the Programme Educational Objectives. There must be a documented and effective process, involving programme stakeholders, for the periodic review and revision of these Programme Educational Objectives.

(ETAC, 2020, p. 10)

Performance indicator ETAC bagi kriteria 1: *Programme Educational Objectives* (PEO) adalah seperti berikut:

- i) *Statements are well defined, measurable and achievable*
- ii) *Statements are well published and publicised*
- iii) *Clear linkage between Programme Educational Objectives and Programme Outcomes*
- iv) *A documented and effective process, involving programme stakeholders, for the periodic review and revision*
- v) *Assessment of performance available and subsequent CQI indicated*

Standard ETAC di atas jelas menerangkan keperluan menghasilkan PEO yang mencerminkan keberhasilan dan kemenjadian graduan dalam kerjaya dan kehidupan profesional mereka. Pencapaian PEO ini haruslah dijajarkan dengan pengetahuan, kemahiran dan tingkahlaku mengikut hasil pembelajaran program (PLO). Disamping itu, PEO perlu mendapat maklumbalas atau input daripada pihak-pihak berkepentingan supaya PEO yang dihasilkan relevan dengan perkembangan kerjaya serta teknologi. Kesemua mekanisma proses penambahbaikan PEO dan semakan berkala PEO perlulah didokumentasikan dan melibatkan pihak berkepentingan.

Secara keseluruhannya pengukuran dan penilaian PEO ini amat penting untuk menunjukkan pencapaian PEO menyumbang ke arah pencapaian visi dan misi institusi dan jabatan. Pencapaian PEO ini berkait rapat dengan keberhasilan rekabentuk kurikulum serta kemenjadian pelajar selepas 3-5 tahun bergraduat. Hasil penilaian PEO ini akan menyumbang kepada penambahbaikan kurikulum berikutnya.

Pelaksanaan kajian pencapaian PEO alumni bagi program Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan dan Diploma Kejuruteraan di bawah akreditasi ETAC membolehkan *performance indicator* i, iv dan v dinilai.

3.3. Penilaian PEO - *Technology and Technical Accreditation Council (TTAC)*

Bagi program-program di bawah akreditasi TTAC, berikut adalah aspek penilaian PEO yang dititikberatkan (TTAC, 2019, 12):

- i) PEO yang dibangunkan mestilah menunjukkan kepentingan pemegang taruh program (*the establishment of PEOs must demonstrate the interest of the programme's stakeholders*)
- ii) Institusi yang menawarkan program/ penawar pendidikan (*education provider*) mesti mempunyai *key performance indicator* (KPI) yang jelas bagi setiap pernyataan PEO dan dipersetujui melalui konsultasi dengan pemegang taruh
- iii) Program juga haruslah mempunyai mekanisma yang jelas dan bersesuaian untuk memantau dan menilai pencapaian PEO

Bagi perkara pertama, pembangunan PEO dilaporkan melalui Minit Mesyuarat/ Laporan JK Penggubal Kurikulum, manakala pengesahan PEO oleh pemegang taruh berkepentingan adalah melalui Minit Mesyuarat JK Penasihat Kurikulum.

Perkara kedua dan ketiga merupakan perkara yang diaudit oleh panel penilai TTAC bagi proses akreditasi semula (*reaccreditation*) di bawah kriteria 1: *Programme Design and Delivery*. Pihak institusi perlu menghantar *Self-Review Report* (SRR) sebagai pernyataan pembuktian seperti yang ditunjukkan di Jadual 1.

Jadual 1
Aspek Berkaitan PEO di dalam Self-Review Report

2. List of PEOs with respective KPI, monitoring and evaluation mechanism			
	Statement	KPI	Evidence of stakeholders engagement
PEO1			
PEO2			
PEOxn			
Description of PEO evaluation mechanism			

Bagi perkara kedua, KPI PEO perlu ditetapkan dan dipersetujui melalui kaedah konsultasi/ mesyuarat/ *focus group* atau lain-lain kaedah yang bersesuaian antara institusi dengan pemegang taruh/ industri berkaitan. Mekanisma penetapan KPI PEO bagi program-program di bawah akreditasi TTAC akan diterangkan di subtopik 3.4.1.

Bagi perkara ketiga, mekanisma bagi memantau dan menilai pencapaian PEO graduan/ alumni adalah melalui pelaksanaan Kajian PEO. Di bawah TTAC, perkara kedua dan ketiga dinilai di bawah kriteria 1: *Programme Design and Delivery*.

3.4. Rumusan Penilaian PEO Badan Akreditasi

Terdapat persamaan dan perbezaan keperluan di antara tiga badan akreditasi: MQA, ETAC dan TTAC. Rumusan keperluan Pelaksanaan PEO oleh ketiga-tiga badan akreditasi adalah seperti Jadual 2.

Jadual 2

Rumusan Ringkas Keperluan Pelaksanaan Penilaian PEO oleh Badan Akreditasi

PERKARA	BADAN AKREDITASI		
	MQA	ETAC	TTAC
Pembuktian proses penggubalan dan pengesahan PEO	/	/	/
Penglibatan pemegang taruh dalam penggubalan dan pengesahan PEO	/	/	/
Keperluan pemakluman dan penerbitan PEO	x	/	x
Penetapan KPI PEO	x	/	/
Pembuktian mekanisma penilaian pencapaian PEO	/	/	/

3.4.1 Proses Penetapan KPI PEO di dalam Kurikulum

Secara umumnya, penetapan KPI PEO bagi program-program di bawah badan akreditasi dirumuskan seperti berikut:

i) Program di bawah akreditasi MQA:

TIADA keperluan penetapan dan pengukuran pencapaian KPI dinyatakan dalam mana-mana dokumen.

ii) Program di bawah akreditasi TTAC:

Keperluan penetapan dan pengukuran pencapaian KPI dinyatakan secara jelas di dalam manual akreditasi

iii) Program di bawah akreditasi ETAC:


Keperluan penetapan dan pengukuran pencapaian KPI dinyatakan secara tersirat (di bawah frasa: *statements are well defined, measurable and achievable*).

Oleh itu, bagi **program-program di bawah akreditasi TTAC dan ETAC, perlulah ditetapkan KPI PEO dahulu sebelum dilaksanakan Kajian Pencapaian PEO.**

Penetapan KPI PEO seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 4 dilaksanakan oleh institusi dengan mengadakan sesi konsultasi bersama pemegang taruh/ JK Penasihat Program. Konsultasi boleh berlaku dalam bentuk mesyuarat/ bengkel/ kajian soal selidik dan sebagainya mengikut kesesuaian pihak institusi. Hasil persetujuan konsultasi tersebut, % KPI PEO perlu ditetapkan sebagai *baseline* untuk mengukur pencapaian setiap PEO.

Rajah 4

Proses Penetapan Peratus KPI PEO bagi Program TTAC dan ETAC


**3.4.2 Mekanisma Pelaksanaan Kajian Pencapaian PEO**

Selepas peratus KPI PEO ditetapkan bagi program di bawah akreditasi TTAC dan ETAC, bolehlah dilaksanakan Kajian Pencapaian PEO alumni. Rajah 5 menunjukkan carta alir proses pelaksanaan Kajian Pencapaian PEO bagi program di bawah akreditasi MQA, ETAC dan TTAC. Di dalam Rajah 5 diterangkan bahawa institusi boleh merujuk kepada Garis Panduan Perlaksanaan Kajian Pencapaian PEO bagi merancang pelaksanaan Kajian PEO. Bagi tujuan ini, institusi dicadangkan menubuhkan Jawatankuasa Teknikal Pemegang Taruh di peringkat institusi bagi menyelaraskan hal-hal berkaitan dengan pelaksanaan, analisa serta pelaporan kajian ini (lihat topik 4.0). Laporan pencapaian PEO tersebut:

- i) perlu disimpan di institusi dan bersedia untuk ditunjukkan/diterangkan kepada panel audit apabila dimohon (bukti perlaksanaan Kajian Pencapaian PEO oleh institusi)
- ii) dimuatnaik ke Platform Maklum balas Pemegang Taruh JPPKK untuk digunakan sebagai input penambahbaikan kurikulum.

Rajah 5

Carta Alir Proses Pelaksanaan Kajian Pencapaian PEO serta Penggunaan Dapattannya bagi Penambahbaikan Program

**4.0 PELAKSANAAN KAJIAN PEO****4.1. Kajian Literatur Tentang Pelaksanaan Kajian Pencapaian PEO**

Beberapa kajian PEO telah dilaksanakan di institusi pendidikan tinggi di dalam dan di luar negara (Shahrir Abdullah, et al., 2008, 2009; Jodin Makinda et al., 2011; Noor Ezlin Ahmad Basri et al., 2011; 2020; Abbadeni et al., 2013; Nur Irfah Mohd Pauzi, et al., 2013; Abdul Rahman et al., 2016; Bibi Norasiqin et al., 2020).

Bagi mengukur pencapaian PEO alumni, para penyelidik tersebut memperolehnya melalui kaedah kaji selidik (Shahrir Abdullah et al, 2008, 2009; Jodin Makinda et al., 2011, Noor Ezlin Ahmad Basri et al., 2011; Nur Irfah Mohd Pauzi et al., 2013; Abdul

Rahman et al., 2016; Bibi Norasiqin et al., 2020) dan *focus group* (Abbadeni et al., 2013).

Pemegang taruh utama yang terlibat dalam menilai pencapaian PEO adalah alumni (Shahrir Abdullah et al., 2008, 2009, Jodin Makinda et al., 2011, Bibi Norasiqin et al., 2020), majikan (Shahrir Abdullah et al., 2008, 2009; Noor Ezlin Ahmad Basri et al., 2011) dan ibu bapa (Noor Ezlin Ahmad Basri et al., 2011).

Rumusan Kajian literatur pelaksanaan Kajian Pencapaian PEO adalah seperti di Jadual 3.

Jadual 3

Rumusan Kajian Literatur Tentang Pelaksanaan Kajian Pencapaian PEO

Rumusan Kajian Literatur Tentang Pelaksanaan Kajian Pencapaian PEO alumni	
Kaedah Pengukuran yang digunakan	<ul style="list-style-type: none"> i) <i>Focus group survey</i>, soal selidik alumni, mesyuarat bersemuka dengan Alumni di pejabat majikan (Abbadeni et al., 2013) ii) Soal selidik alumni (Shahrir Abdullah, et al., 2008, 2009, Jodin Makinda et al., 2011, Bibi Norasiqin et al., 2020) iii) Soal selidik majikan (Shahrir Abdullah, et al., 2008, 2009; Noor Ezlin Ahmad Basri et al., 2011) iv) Soal selidik ibu bapa (Noor Ezlin Ahmad Basri et al., 2011)
Instrumen Pengukuran Yang digunakan	<ul style="list-style-type: none"> i) Soal selidik atas talian dengan 5 point skala Likert seperti berikut: of 5 points: “<i>Strongly Agree</i>” = 5, “<i>Agree</i>” = 4, “<i>Neutral</i>” = 3, “<i>Disagree</i>” = 2, “<i>Strongly Disagree</i>” = 1. (Abbadeni et al., 2013) ii) Soal selidik menggunakan skala Likert dan item indikator yang dibangunkan oleh pemegang taruh program. Soal selidik ini memohon alumni untuk meletakkan ranking pencapaian PEO menggunakan skala Likert berikut: (1) = <i>poorly achieved</i>, (3) = <i>satisfactorily achieved</i>, (5) = <i>fully achieved</i> sebagai pengukuran pencapaian PEO. (Jodin Makinda et al., 2011) iii) Soal selidik alumni dan industri menggunakan skala Likert - semua soalan yang dibangunkan menyenaraikan semua ciri yang membentuk pernyataan PEO atau PO tersebut. <ul style="list-style-type: none"> 0 = <i>not relevant</i>, 1 = <i>not important</i>, 2 = <i>somewhat important</i>, 3 = <i>important</i>, 4 = <i>very important</i>,

	<p>5= <i>extremely important.</i></p> <p>(Abdullah, Shahrir et al., 2009)</p> <p>iv) Soal selidik atas talian kepada majikan/ <i>anonymous online questionnaire survey</i> menggunakan skala Likert dan soalan berbentuk terbuka/ <i>open suggestion</i> dan maklumbalas umum. Skala Likert mengukur kepentingan PEO bagi graduan Kejuruteraan Awam yang bekerja dengan majikan tersebut:</p> <p>0 = <i>not relevant,</i> 1 = <i>not important,</i> 2 = <i>somewhat important,</i> 3 = <i>important,</i> 4 = <i>very important,</i> 5= <i>extremely important.</i></p> <p>(Nur Irfah Mohd Pauzi, et al., 2013)</p>
Sampel yang digunakan	<ul style="list-style-type: none"> i) Alumni (Bibi Norasiqin et al, 2020, Jodin Makinda et al., 2011) ii) Industri dan alumni (Abdul Rahman et al., 2016) iii) Ibubapa (Noor Ezlin Ahmad Basri et al., 2011) iv) majikan graduan (Noor Ezlin Ahmad Basri et al., 2011) v) Industri (Noor Ezlin Ahmad Basri et al., 2011) vi) Industri dan alumni yang ada dalam pangkalan data Latihan Industri dan alumni Fakulti Kejuruteraan (Abdullah, Shahrir et al., 2009)
Limitasi Kajian	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pencapaian sebenar PEO bergantung kepada kebolehan pengukuran pernyataan PEO, item soalan dan indikator item yang dibangunkan. 2. <i>Self-rating</i> mempunyai limitasi dari segi <i>response bias</i> (Jodin Makinda et al., 2011)

4.2. Perancangan Pelaksanaan Kajian Pencapaian PEO di Institusi

Institusi perlu merancang masa dan tempoh pelaksanaan kajian ini. Jadual 4 menerangkan cadangan aktiviti kajian dan tempoh masa yang diperlukan untuk kajian PEO ini.

Jadual 4

Cadangan Tempoh Perancangan Pelaksanaan Kajian PEO di Institusi

BIL	AKTIVITI	CADANGAN TEMPOH
1.	Membentuk Jawatankuasa dan Menetapkan Objektif Kajian/ Merancang Pelaksanaan Kajian	1 hari
2.	Memilih dan Menetapkan Responden	1 hari
3.	Menambahbaik Instrumen Kajian (mengikut keperluan badan akreditasi dan institusi)	7 hari

4.	Mengedarkan dan Mengumpul Data	30 hari
5.	Memproses dan Menganalisa Data	10 hari
6	Melapor Kajian	10 hari

4.2.1 Membentuk Jawatankuasa Teknikal Pemegang Taruh Institusi dan Menetapkan Objektif Kajian/ Merancang Pelaksanaan Kajian

Pegawai yang bertanggungjawab bagi memastikan kajian dan laporan pencapaian PEO dilaksanakan di institusi adalah Timbalan Pengarah (Akademik) merangkap Pengerusi Jawatankuasa Teknikal Pemegang Taruh Institusi. JK Teknikal Pemegang Taruh Institusi perlu menetapkan objektif kajian serta merancang pelaksanaan kajian.

Cadangan Ahli Jawatankuasa Teknikal Pemegang Taruh Institusi dan fungsinya adalah seperti berikut:

- i) Pengerusi: Timbalan Pengarah Akademik
- ii) Ketua Program
- iii) Ketua *Collaboration, Industrial Services and Employment Centre* (CISEC)
- iv) Pegawai Perhubungan dan Latihan Industri
- v) Pegawai Alumni
- vi) Ketua Unit Penyelidikan Inovasi dan Komersial (KuPIK)/ *Research & Development* (R&D)
- vii) Pegawai/ pensyarah lain yang difikirkan perlu (mengikut keperluan institusi)

Fungsi Jawatankuasa Teknikal Pemegang Taruh Institusi adalah seperti berikut:

- i) Menambahbaik instrumen dengan memasukkan pernyataan PEO program serta deskriptor/indikator PEO ke dalam instrumen
- ii) Mendapatkan maklumat alumni bagi tujuan pengedaran soal selidik
- iii) Mengedarkan instrumen soal selidik kepada responden
- iv) Menganalisa data yang diperolehi
- v) Menghasilkan laporan pencapaian PEO
- vi) Menyimpan laporan tersebut untuk tujuan audit
- vii) Menghantar laporan tersebut kepada pihak audit (sekiranya dimohon)
- viii) Mengisi data dan memuat naik laporan kajian pencapaian PEO di Platform Maklum Balas Pemegang Taruh JPPKK bagi tujuan penambahbaikan kurikulum

4.2.2 Memilih dan Menetapkan Sasaran Responden

Institusi perlu memilih responden mengikut kriteria pemilihan seperti yang ditetapkan dalam objektif kajian. Sekiranya ia adalah Kajian Pencapaian PEO yang pertama, ia tidak mempunyai bandingan dengan kajian sebelumnya. Kajian ini boleh dijadikan sebagai *baseline* kepada kajian akan datang.

Ketua bidang/program perlu mendapatkan senarai alumni dari Pegawai Alumni

mengikuti program. Penetapan bilangan responden bergantung kepada kriteria yang perlu ditetapkan oleh institusi. Saiz sampel boleh ditentukan dengan menggunakan rumusan penentu saiz populasi Krejcie dan Morgan (1970) di Lampiran 1.

4.2.3 Menambahbaik Instrumen Kajian

Antara perkara-perkara yang perlu diselaraskan dan ditambahbaik dalam instrumen adalah seperti berikut:

- i. mengubahsuai demografi, nama institusi, nama program, tahun bergraduat dan senarai pekerjaan mengikut keperluan program masing-masing.
- ii. memasukkan pernyataan PEO program serta deskriptor/ indikator PEO (kerana setiap program/bidang mempunyai pernyataan PEO yang berbeza).

Di dalam Garis Panduan Pelaksanaan Kajian Pencapaian PEO ini, dilampirkan senarai templat dan contoh instrumen mengikut badan akreditasi seperti di Jadual 5.

Jadual 5

Jadual Senarai Templat dan Contoh Instrumen

Bil	Instrumen	Lampiran
1.	Templat Instrumen Penilaian PEO Program MQA bagi Alumni	Lampiran 2A
2.	Contoh Instrumen Penilaian PEO Program MQA bagi Alumni	Lampiran 2B
3.	Templat Instrumen Penilaian PEO Program MQA bagi Majikan	Lampiran 2C
4.	Contoh Instrumen Penilaian PEO Program MQA bagi Majikan	Lampiran 2D
5.	Templat Instrumen Penetapan KPI PEO (TTAC & ETAC)	Lampiran 3A
6.	Templat Instrumen Program ETAC (Dichotomous & Skala Likert)	Lampiran 3C
7.	Contoh Instrumen Penilaian Program ETAC (Dichotomous)	Lampiran 3D
8.	Contoh Instrumen Penilaian Program ETAC (Skala Likert)	Lampiran 3F
9.	Templat Instrumen Penilaian PEO Program TTAC (Dichotomous & Skala Likert)	Lampiran 4A
10.	Contoh Instrumen Penilaian Program TTAC (Dichotomous)	Lampiran 4B
11.	Contoh Instrumen Penilaian Program TTAC (Skala Likert)	Lampiran 4D

Kumpulan pengkaji boleh membuat pemurnian terhadap instrumen ini sebelum digunakan bagi melaksanakan kajian.

4.2.4 Mengedar dan Mengumpul Data

Kumpulan pengkaji boleh memilih platform yang bersesuaian bagi proses pengumpulan data. Terdapat pelbagai platform soal selidik secara percuma dalam talian yang boleh digunakan seperti *Google Form*, *SurveyMonkey*, *Typeform*, *SoGoSurvey* dan sebagainya. Adalah dicadangkan supaya tempoh masa maksimum bagi responden untuk menjawab kajian sebanyak 15 minit. Setelah soal selidik dimasukkan dalam platform yang dipilih, pemakluman boleh dilakukan melalui pelbagai platform media sosial seperti di laman web institusi, *Facebook* Persatuan Alumni, kumpulan *Whatsapp* serta *Telegram* alumni dan sebagainya. Penggunaan pelbagai saluran ini adalah bagi memastikan responden yang disasarkan dapat mengakses link soal-selidik tersebut. Kaedah ini dikenali sebagai *targeted snowball sampling* (Dusek, 2015).

4.2.5 Memproses dan Menganalisa Data

Data yang telah dikumpul, boleh dianalisis dengan menggunakan perisian yang bersesuaian seperti SPSS dan *Microsoft Excel*. Kumpulan pengkaji perlu membuat proses pembersihan data (*data cleaning*) bagi mengurangkan ralat disebabkan oleh data yang tidak lengkap. Secara umumnya, kajian PEO ini akan menghasilkan dapatan data deskriptif. Data deskriptif ini merujuk kepada data yang memberi gambaran tentang sesuatu perkara seperti peratus, jumlah, purata (min, median dan mod) dan sebagainya. Data yang telah dianalisis ini boleh dibentangkan dengan menggunakan graf atau carta seperti carta bar, carta pai, carta radar dan sebagainya.

4.2.6 Melapor Kajian

Setelah selesai analisis data, kumpulan pengkaji perlu membuat laporan kajian. Cadangan format pelaporan kajian telah disediakan dengan merujuk kepada Jadual 6. Penulisan laporan kajian ini perlu merujuk kepada objektif kajian. Contohnya, bagi keperluan MQA04, adalah memadai bagi institusi merumuskan dapatan pencapaian PEO alumni. Bagi program di bawah akreditasi TTAC dan ETAC pula, institusi perlu melaporkan pencapaian PEO alumni berdasarkan KPI yang disasarkan. Sekiranya laporan bertujuan untuk menambahbaik pernyataan PEO, laporan kajian akan memfokus kepada dapatan kaji selidik pernyataan PEO dan mencadangkan penambahbaikan bagi pernyataan PEO sedia ada. Kumpulan pengkaji boleh merujuk kepada contoh laporan kajian-kajian ini.

Jadual 6*Jadual Senarai Laporan*

Bil	Instrumen	Lampiran
1.	Contoh Laporan Kajian Pencapaian PEO Program MQA bagi Alumni	Lampiran 2E
2.	Contoh Laporan Penetapan KPI PEO Program ETAC/ TTAC	Lampiran 3B
3.	Contoh Laporan Kajian Pencapaian PEO Program ETAC bagi Alumni (Dichotomous)	Lampiran 3E
4.	Contoh Laporan Kajian Pencapaian PEO Program ETAC bagi Alumni (Scala Likert)	Lampiran 3G
5.	Contoh Laporan Kajian Pencapaian PEO Program TTAC bagi Alumni (Dichotomous)	Lampiran 4C
6.	Contoh Laporan Kajian Pencapaian PEO Program TTAC bagi Alumni (Scala Likert)	Lampiran 4E

4.3. MQA**4.3.1 Kaedah Pelaksanaan Kajian Pencapaian PEO bagi Program-Program di bawah Akreditasi MQA**

Instrumen sedia ada telah dibangunkan oleh Jawatankuasa Teknikal Pemegang Taruh JPPKK bagi tujuan audit pematuhan MQA 04 seperti yang telah diputuskan di dalam Minit Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Pemegang Taruh Bil. 1/2020. Ianya perlu dimurnikan mengikut PEO program pengajian dan sesuai digunakan bagi program-program di bawah akreditasi MQA.

4.3.2 Instrumen Kajian PEO MQA

Instrumen Kajian PEO MQA dibangunkan berdasarkan instrumen soal-selidik kajian pencapaian PEO berasaskan skala Likert yang telah dilaksanakan di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) oleh Shahrir Abdullah et al. (2008 & 2009), Jodin Makinda et al. (2011), Noor Ezlin Ahmad Basri et al. (2011), Abbadeni et al., 2013, Bibi Norasiqin et al. (2020), Nur Irfah Mohd Pauzi, et al, (2013), Abdul Rahman et al., (2016). Panduan penyediaan soal-selidik MQA04 adalah seperti di Jadual 7.

Jadual 7
Panduan Penyediaan Soal-Selidik MQA04

Rekabentuk kajian	Kajian yang boleh dijalankan adalah kajian yang berbentuk deskriptif yang menggunakan set soalan soal-selidik sebagai alat kajian.
Populasi dan Sampel Kajian	<p>Populasi kajian perlulah terdiri daripada alumni program yang telah 3 - 5 tahun bergraduasi.</p> <p>Saiz sampel boleh ditentukan dengan menggunakan rumusan penentu saiz populasi yang dilaporkan oleh Krejcie dan Morgan (1970) (Rujuk Lampiran 1).</p>
Instrumen Kajian	<p>INSTRUMEN KAJIAN ALUMNI Soal selidik ini terbahagi kepada 3 bahagian: i) Demografi ii) Kepentingan pernyataan PEO menurut alumni iii) Persepsi alumni terhadap pencapaian PEO masing-masing.</p> <p>Bahagian ii) dan iii) mengandungi item soalan dalam bentuk skala Likert dan deskriptor bagi mendapatkan persepsi alumni tentang pernyataan PEO serta pencapaian PEO masing-masing. Skala Likert digunakan untuk mengukur persepsi alumni kerana ia mudah dianalisis dan kebarangkalian untuk berlaku kesilapan dalam menilai item-item juga adalah kecil.</p> <p>INSTRUMEN KAJIAN MAJIKAN Soal selidik ini terbahagi kepada 3 bahagian: i) Demografi ii) Kepentingan pernyataan PEO menurut majikan iii) Persepsi majikan terhadap pencapaian PEO alumni</p>
Item Deskriptor/Indikator PEO	<p>Item deskriptor/indikator bagi pernyataan PEO boleh dibangunkan dengan cara:</p> <p>i) Merujuk kepada MQF <i>Learning Outcome Domains</i> (LD). Rujuk Jadual 8.</p> <p>ii) Merujuk kepada MQF 2.0 <i>Clusters of Learning Outcomes</i>. Rujuk Jadual 9.</p> <p>iii) Institusi juga boleh membangunkan deskriptor/indikator tersendiri bagi setiap pernyataan PEO sesebuah program. (Rujuk contoh instrumen Program Diploma Kewangan dan Perbankan Islam di Jadual 10).</p>

Jadual 8

Rujukan Item Deskriptor/ Indikator Pernyataan PEO berdasarkan Learning Outcome Domains (LD) bagi Program di bawah Akreditasi MQA

No.	Rujukan Item Indikator dan Deskriptor berdasarkan <i>Learning Outcome Domains</i> (LD)	
	Indikator	Deskriptor
1.	<i>Knowledge</i> Pengetahuan	<i>Possess competency in fundamental discipline knowledge in-line with the industry needs</i> Memiliki kecekapan dalam pengetahuan disiplin asas selaras dengan keperluan industri
2.	<i>Practical Skills</i> Kemahiran Praktikal	<i>Technically competent in discipline area</i> Berkebolehan secara teknikal dalam bidang disiplin
3.	<i>Communication Skills</i> Kemahiran Berkomunikasi	<i>Show effective oral communication skills</i> <i>Show effective written communication skills</i> Menunjukkan kemahiran komunikasi lisan yang berkesan Menunjukkan kemahiran komunikasi bertulis yang berkesan
4.	<i>Critical Thinking</i> Pemikiran Kritikal	<i>Able to contribute ideas for organizational improvement</i> Mampu menyumbangkan idea untuk peningkatan organisasi
5.	<i>Problem-solving Skills</i> Kemahiran Menyelesaikan Masalah	<i>Able to solve problems in various situations, innovatively, creatively and ethically through a sustainable approach</i> Mampu menyelesaikan masalah dalam pelbagai situasi, secara inovatif, kreatif dan beretika melalui pendekatan lestari
6.	<i>Social Skills</i> Kemahiran Sosial	<i>Demonstrate essential social skills in the workplace.</i> Menunjukkan kemahiran sosial yang penting di tempat kerja.
7.	<i>Responsibilities</i> Tanggungjawab	<i>Show commitments in any given task</i> Tunjukkan komitmen dalam setiap tugas yang diberikan

8.	<i>Lifelong Learning</i> Pembelajaran Sepanjang Hayat	<i>Engage in lifelong learning to enable career advancement.</i> Terlibat dalam pembelajaran sepanjang hayat untuk membolehkan kemajuan kerjaya.
9.	<i>Information Management Skills</i> Kemahiran Pengurusan Maklumat	<i>Demonstrate ability to enhance information management skill in workplace</i> Menunjukkan keupayaan untuk meningkatkan kemahiran pengurusan maklumat di tempat kerja
10.	<i>Management Skills</i> Kemahiran Pengurusan	<i>Possess essential management skills while performing duties</i> Memiliki kemahiran pengurusan penting semasa menjalankan tugas
11.	<i>Entrepreneurial Skills</i> Kemahiran Keusahawanan	<i>Possess entrepreneurial skills</i> Memiliki kemahiran keusahawanan
12.	<i>Professionalism</i> Profesionalisme	<i>Behave professionally while performing duties</i> Berkelakuan profesional semasa menjalankan tugas
13.	<i>Ethics and Moral</i> Etika dan Moral	<i>Practice good ethics and moral conducts</i> Amalkan etika dan tingkah laku moral yang baik
14.	Leadership Skills Kemahiran Kepimpinan	<i>Ability to function as a leader in a working group</i> Keupayaan untuk berfungsi sebagai pemimpin dalam kumpulan kerja
15.	Teamwork Skills Kemahiran Kerja Berpasukan	<i>Ability to function effectively as a member in a working group</i> Keupayaan untuk berfungsi dengan berkesan sebagai ahli dalam kumpulan kerja

Jadual 9

Rujukan Item dan Deskriptor Program Pengajian Peringkat Diploma (di bawah akreditasi MQA) berdasarkan Cluster MQF 2nd Edition (MQA, 2017)

BIL	ITEM CLUSTER	DESCRIPTOR
1.	<i>Cluster 1 Knowledge & Understanding</i>	<i>Demonstrate systematic comprehension (understanding) of a broad range of complex technical and theoretical knowledge and skills to undertake varied, complex, routine and non-routine tasks/ study within a field/discipline.</i>
2.	<i>Cluster 2 Cognitive Skills</i>	<i>Identify, interpret, apply and evaluate general concepts, theory and/or operational principles within a well-defined context of a subject/discipline. Work with minimal supervision. Solve problems of a common and well-defined kind as well as those others of a non-routine nature.</i>
3.	<i>Cluster 3 Functional Work Skills</i>	
	<i>Cluster 3A Practical Skills</i>	<i>Apply a limited range of practical skills, essential tools, methods, and procedures to perform required tasks/work. Reflect and make adjustments to practices and processes, as necessary, related to routine or non-routine tasks.</i>
	<i>Cluster 3B Interpersonal Skills</i>	<i>Interact effectively, individually or as member of a team with supervisors, peers and subordinates.</i>
	<i>Cluster 3C Communication Skills</i>	<i>Communicate clearly, both orally and in writing, ideas, information, problems and solutions, to others including peers, experts and nonexperts. Demonstrate a high level of proficiency in at least one other language besides the national language.</i>
	<i>Cluster 3D Digital Skills</i>	<i>Use a range of digital applications to support study/work as well as to seek and process data related to work or study.</i>
	<i>Cluster 3E Numeracy Skills</i>	<i>Demonstrate skills to use and interpret routine and complex numerical and graphical/visual data.</i>

	<i>Cluster 3F Leadership, Autonomy and Responsibilities</i>	<i>Perform work with significant degree of personal responsibility and autonomy under broad guidance and direction on well-defined and nonroutine study/work activities performed in a variety of contexts. Lead and manage diverse teams to manage issues at work.</i>
4.	<i>Cluster 4 Personal and Entrepreneurial Skills</i>	
	<i>Cluster 4A Personal Skills</i>	<i>Identify self-improvement initiatives and possibilities for further education. Develop realistic career and professional goals. Show interest in and participate at professional and civic activities leading to local and region wide communities building.</i>
	<i>Cluster 4B Entrepreneurial Skill</i>	<i>Explore and engage in activities relating to entrepreneurship.</i>
5.	<i>Cluster 5 Ethics and Professionalism</i>	<i>Demonstrate ability to understand and comply with organizational and professional ethics in the work environment. Demonstrate ability to apply sustainable practices in the context of local and global work and social environment.</i>

Jadual 10

Contoh Item dan Deskriptor yang dibangunkan sendiri

<p>PEO 1: Pengetahuan dan kecekapan teknikal dalam bidang perbankan dan kewangan Islam dan dapat menyesuaikan diri dengan kemajuan dan cabaran teknologi baru dalam bidang perbankan dan kewangan Islam.</p> <p><i>PEO 1: Knowledge and technically competent in Islamic banking and finance discipline and able to adapt themselves with new technological advancement and challenges in Islamic banking and finance fields.</i></p>		
BIL	ITEM	DESKRIPTOR
1.	Pengetahuan	<p>Graduan mampu mencari dan mengaplikasi pengetahuan bidang perbankan kepada keadaan kompetitif yang berubah-ubah</p> <p><i>Graduates are able to locate and apply banking knowledge to competitive conditions</i></p>

2.	Pengetahuan	<p>Graduan mampu menguna pakai pengetahuan bidang perbankan dalam memberi perkhidmatan</p> <p><i>Graduates are able to apply banking knowledge in rendering services.</i></p>
3.	Pengetahuan	<p>Graduan mampu mengaplikasi pengetahuan bidang perbankan yang dipelajari dari pengalaman.</p> <p><i>Graduates are able to apply banking knowledge to the field of banking learned from experience.</i></p>
4.	Pengetahuan	<p>Graduan dapat memproses untuk memperoleh pengetahuan mengenai produk/perkhidmatan baru dalam industri kami.</p> <p><i>Graduates are able to process for acquiring knowledge about new product/services within our industry.</i></p>
5.	Pengetahuan	<p>Graduan mampu menyelesaikan tugas yang diberi dalam bidang mereka.</p> <p><i>Graduates are able to complete tasks given in their field.</i></p>
